

06 OCT 1999

ATM-Tatu

TATU ATM: AGONG DAN PERMAISURI DIJADUAL HADIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dijadual menyaksikan persembahan Tatu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 15 Okt di Stadium Nasional, Kompleks Sukan Bukit Jalil, di sini.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Tatu ATM 1999, Mejar Jeneral Datuk Abdul Wahid Annuar berkata Seri Paduka berdua akan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jemaah menteri.

Beliau memberitahu sidang berita di sini, tatu itu bertema "Angkatan Tentera pada Alaf Baru" itu akan menampilkan persembahan berbentuk hiburan, humor, sensasi dan kreativiti dengan berkonsepkan integrasi ATM, agensi kerajaan dan masyarakat dalam mempertahankan kedaulatan dan pembangunan negara.

Persembahan itu, dari 15 hingga 17 Okt, menggabungkan aksi-aksi anggota ATM dan perkhidmatan lain termasuk persembahan pasukan kuda istiadat dan anjing perang.

Menurutnya pada 15 Okt, persembahan itu akan diadakan di Stadium Bukit Jalil, pada 16 Okt di Litar Formula Satu Sepang dan pada 17 Okt ia diadakan sebagai selingan sebelum perasmian perlumbaan Formula Satu oleh Perdana Menteri di litar itu.

Abdul Wahid, yang juga Panglima Markas Latihan Tentera Darat, berkata persembahan di litar Formula Satu adalah terhad kepada acara akrobatik motosikal, pancaragam dan terjun bebas.

Katanya persembahan itu mempunyai tiga segmen dengan mesej berlainan iaitu mengenai penglibatan anak watan di dalam ATM, tentera dan masyarakat serta pentomin mengenai keupayaan, peranan dan tugas ATM di dalam mempertahankan kedaulatan tanahair.

Seramai 148 pegawai dan 2,750 anggota ATM akan terlibat dalam acara persembahan manakala 100 pegawai dan 400 anggota terlibat dalam kumpulan sokongan.

Beliau berkata anggota Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat turut beraksi dalam persembahan itu.

Pertunjukan itu adalah percuma dan orang ramai dinasihat mendapatkan tiket masuk di mana-mana stesyen Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) atau di urusetia Tatu ATM di Stadium Nasional Bukit Jalil mulai 10 Okt ini.

ATM mengadakan persembahan tatu sejak 1963 tetapi terhad kepada pertunjukan akrobatik motosikal dan pancaragam.

Sejak 1986, kerajaan memasukkan acara persembahan Tatu ATM dalam kalender Pelancongan Malaysia dan kini menjadi satu daripada acara Pesta Malaysia.

-- BERNAMA

MEO NAK